



Good food, Good life



Siaran Akhbar

KOTA KINABALU, May 1, 2021

MAGGI® Meraikan Tadau Ka'amatan: Memberi Penghormatan Khas kepada Wira Petugas Barisan Hadapan

*Peraduan **Jom Masak & Menang Bersama** kembali lagi tahun ini!
Menangi pelbagai hadiah hebat termasuklah sebuah Mitsubishi Triton bernilai lebih dari
RM100,000!*

Tadau Ka'amatan merupakan sambutan kesyukuran dan pemeliharaan warisan yang diraikan dengan menyediakan pelbagai hidangan dan masakan tempatan yang disukai ramai. Bagi MAGGI®, ia adalah satu penghormatan untuk menjadi sebahagian dari dapur rakyat Sabah, sama ada untuk menyajikan masakan harian atau hidangan khas yang disediakan dengan penuh kasih sayang pada musim perayaan ini.

Menurut kata Geetha Balakrishna, Pegawai Eksekutif Perniagaan, MAGGI®, Nestlé (Malaysia) Berhad, "*Tadau Ka'amatan ini mengisahkan tentang kesabaran, ketekunan dan kerajinan. Walaupun pandemik COVID 19 telah merubah cara hidup kita serta cara kita menyambut perayaan istimewa bersama keluarga tersayang, MAGGI® berharap dapat terus menyokong dan menjadi peneman kepada rakyat Sabah pada masa yang penuh mencabar ini*".

Bagi menyemarakkan lagi sambutan Tadau Ka'amatan pada tahun ini, MAGGI® akan menyumbangkan 20,000 MAGGI® Hot Cups kepada wira-wira barisan hadapan dan kakitangan kesihatan di seluruh Sabah dan Sarawak melalui Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia pada bulan Mei 2021.

"Sumbangan ini merupakan sebuah tanda penghormatan dan penghargaan khas daripada pihak kami kepada wira barisan hadapan diatas keberanian, sikap tidak mementingkan diri serta dedikasi mereka dalam misi membantu negara memerangi COVID-19. Kami juga berharap agar dapat membawa kegembiraan kepada orang ramai dengan menganjurkan kembali peraduan tahunan MAGGI® Jom Masak & Menang Bersama®" kata Geetha.

Peraduan MAGGI® Jom Masak & Menang Bersama MAGGI® kini kembali!



Tahun ini, peraduan MAGGI® *Jom Masak & Menang Bersama* akan bermula pada 1 Mei dan berakhir pada 30 Jun 2021. Peserta berpeluang memenangi hadiah berjumlah RM135,000 termasuk hadiah utama - sebuah Mitsubishi Triton 4WD, hadiah wang tunai dan kualiti Tefal - sebagai sebahagian daripada hadiah mingguan sepanjang tempoh peraduan.

Hadiah-hadiah terdiri daripada:

Hadiah Utama: 1 x Mitsubishi Triton (4WD) – *Bernilai RM 106,000*

Hadiah Pertama: 8 x RM 2,000 hadiah wang tunai

Hadiah Mingguan: 9 minggu x 9 x kualiti Tefal – *Bernilai RM 169 setiap satu*

Cara-cara penyertaan:

Para peserta perlu membeli produk terpilih dari MAGGI®, dan hantarkan penyertaan dan maklumat peribadi melalui salah satu kaedah berikut:

- 1) **Melalui WhatsApp:** Sertakan nama dan No. MyKad pada resit pembelian, ambil gambar dan hantarkan foto melalui WhatsApp ke 018-228 0177.
- 2) **Melalui Pos Biasa/Drop Box:** Lengkapkan borang penyertaan, sertakan bukti pembelian pada borang penyertaan dalam sampul surat dan hantar ke PO Box ataupun drop box.

Untuk maklumat lebih lanjut tentang peraduan MAGGI® *Jom Masak & Menang Bersama* MAGGI® dan tawaran lain, layari laman web MAGGI®: www.maggi.my atau Facebook: www.facebook.com/MaggiMalaysia.

###

Tentang MAGGI®

MAGGI® adalah satu jenama global yang telah menjadi nama terkemuka di Malaysia. Misi terasnya adalah untuk mewujudkan detik-detik sajian enak yang merapatkan lagi hubungan kekeluargaan. Melalui rangkaian produk dan makanannya yang luas, MAGGI® membantu para ibu untuk menyediakan sajian yang enak dan seimbang bagi keluarga mereka setiap hari. Jenama ini juga komited dalam memenuhi segenap keperluan penyedia makanan, menghasilkan inovasi-inovasi produk yang digemari keluarga-keluarga di Malaysia selama bergenerasi. Untuk ketahu yang lebih lanjut, layari www.maggi.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/MaggiMalaysia>.

Tentang Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Dengan ibu pejabat yang terletak di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 buah negara di seluruh dunia dan kesemua pekerja kami seramai lebih 270,000 orang komited dalam membantu mencapai tujuan Nestlé untuk merungkai kuasa makanan demi meningkatkan kualiti kehidupan bagi semua, pada hari ini dan untuk generasi akan datang. Matlamat kami didorong oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Sejak tahun 1912, Nestlé dipercayai oleh para pengguna kami menerusi jenama-jenama dan produk kami yang berkualiti. Kami komited dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat di mana saja kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan integriti Halal. Ini selaras dengan janji kami dalam memberikan "GOOD FOOD, GOOD LIFE" kepada semua.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai bagaimana kami telah membantu rakyat Malaysia menjalani kehidupan sihat selama lebih satu abad, sila layari www.nestle.com.my atau laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/Nestle.Malaysia>.

###

Untuk Maklumat lanjut, sila hubungi:

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: +603 7965 6650

Mobile: +6012 235 6865

E-mail: Shaheen.MohamedZaffar@my.nestle.com

See Bee Ooi

PR Representative

Mobile: +6012-389 2686

E-mail: oseebee@gmail.com